

Surat Tuan:
Your ref:
Surat Kami: RTM / KPP / 2 – 3 Jilid 3
Our ref:
Tarikh : 21 JULAI 2010

SEMUA SYARIKAT PEMBEKAL RANCANGAN RTM

Tuan,

PENGHANTARAN KERTAS CADANGAN SECARA BERTEMPOH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Hasrat dan usaha pembekal membekalkan rancangan yang bermutu kepada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) amat dihargai. Bagi memastikan pembekalan rancangan selaras dengan keperluan siaran RTM dan mematuhi peraturan perolehan kerajaan, RTM menetapkan kertas cadangan diproses secara bertempoh. Pelawaan kepada para pembekal untuk menghantar kertas cadangan bagi rancangan terbitan tempatan termasuk *finished product* dan kertas cadangan serta *screeners* bagi rancangan *syndicated* / luar negara akan diumumkan melalui laman sesawang www.kpkk.gov.my dan juga rereyap (*crawling*) di TV1 dan TV2. Pembekal diminta memantau laman sesawang ini bagi mengetahui maklumat terkini. Pelawaan tersebut akan dibuat dua kali setahun.

3. Bagaimanapun buat masa ini perolehan rancangan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekangan peruntukan. Oleh yang demikian, pihak tuan digalakkan membekalkan rancangan secara percuma dengan penajaan untuk siaran di RTM. Rancangan yang dibekalkan secara percuma untuk siaran di RTM tertakluk juga kepada proses perolehan. Sila hubungi kami sekiranya ada rancangan dengan penajaan.

Salam hormat dan takzim.

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,


DATUK IBRAHIM YAHAYA
Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia.

s.k. : YBhg Datuk Wira KSU, KPKK